

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pembaharuan-pembaharuan yang telah dibawa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dari segi kecekapan dan keberkesanan agensi tersebut sejak tahun 2018? Sejauh manakah nilai-nilai kemanusiaan dan hak-hak asasi diberi kepentingan dalam proses penyiasatan yang dikendalikan oleh SPMR.

JAWAPAN : **[YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mencari jalan baharu dan pendekatan untuk membanteras anasir rasuah bukan sahaja di agensi-agensi kerajaan malahan juga di entiti swasta dan dalam kalangan masyarakat. Dalam negara sedang menangani pandemik COVID-19, SPM akan terus diperkasakan supaya aktiviti penguatkuasaan dan pencegahan dapat dilaksanakan dengan berkesan untuk meminimakan ketirisan wang dan penyalahgunaan kuasa.

SPRM juga menambahbaik kaedah penyiasatan dalam kes-kes rasuah dan salahguna kuasa di negara ini. Antara lain ialah melaksanakan pengurusan penyiasatan berkesan dalam kes-kes *High Profile and Public Interest*. Penggunaan kaedah analisa kewangan dan perisikan sedang diperkembangkan lagi kerana jenayah rasuah semakin kompleks.

Pada 1 Jun 2020, Seksyen 17A (Kesalahan oleh Organisasi Komersial) atau dikenali sebagai Liabiliti Korporat telah dikuatkuasakan. Peruntukan ini menetapkan adalah menjadi kesalahan bagi organisasi komersial jika mana-mana pekerja atau pihak bersekutunya melakukan rasuah bagi faedah organisasi terbabit. Seksyen baru di dalam Akta SPRM 2009 ini merupakan peruntukan baharu bagi menambahbaik penguatkuasaan dan operasi siasatan Suruhanjaya ini.

Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang diperkenalkan pada Januari 2019 sebagai aspirasi nasional telah mempertanggungjawabkan SPRM untuk menerajui 12 inisiatif di dalam NACP. Antara inisiatif-inisiatif penting yang diterajui oleh SPRM adalah:-

- a) Memperkasakan SPRM melalui pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan melalui penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR)
- b) Memasukkan peruntukan baru (*on-going effort*) dalam Akta SPRM 2009 (Akta 694) berhubung cadangan kesalahan-kesalahan baru. Antaranya ialah salahlaku penjawat awam yang menyebabkan ketirisan dan kerugian dana Kerajaan (*MIPO-Misconduct in Public Office*)

Semenjak Suruhanjaya ini ditubuhkan pada 2009, terdapat lima (5) mekanisme diwujudkan yang mana bertindak sebagai *check and balance* terhadap SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya. Kelima-lima entiti ini adalah Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) dan

NO SOALAN : 36

Jawatankuasa Aduan (JA) dibuat melalui peruntukan undang-undang. Manakala pembentukan Panel Penilaian Operasi (PPO) serta Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dibuat secara pentadbiran.

Pada 30 Jun 2020 yang lalu, SPRM telah membuat perlantikan baru 24 ahli terdiri daripada golongan profesional serta pakar pelbagai bidang yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat bagi memantau pelaksanaan fungsi dan operasi SPRM. Kesemua individu tersebut menganggotai LPPR, PPO serta PPPR. Mekanisme ini akan dapat membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti Suruhanjaya ini dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan.

Dari segi nilai-nilai kemanusiaan dan hak-hak asasi semasa proses penyiasatan pula, SPRM sentiasa melaksanakan siasatan berlandaskan kepada peruntukan undang-undang dan arahan seperti berikut:-

- i. Perlembagaan Persekutuan;
- ii. S28A, Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) – Hak orang Yang Ditangkap ; dan
- iii. Sistem dan Prosedur Kerja serta Arahan-arahan SPRM berkaitan dengan Temubual Saksi/OKT.

Selain itu, proses soal siasat dan temubual saksi/OKT adalah dibuat di bawah pengawasan CCTV bagi mengelakkan sebarang tohmahan liar daripada mana-mana pihak. Disamping itu juga, SPRM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai yang melakukan sebarang salah laku dalam menjalankan tugas-tugas siasatan.

Salahlaku pegawai-pegawai SPRM dipantau oleh Jawatankuasa Aduan (JKA) iaitu salah satu daripada lima entiti bebas yang diwujudkan yang mana bertindak sebagai *check and balance* terhadap SPRM dalam penunaian fungsi dan peranannya.

Sekian, terima kasih.